

UMSKAL anjur Program Bual Bicara bersama Mufti Sabah

OLEH JAINUDIN DJIMIN
jainudin@newsabah-
times.com.my

LABUAN: Pejabat Pengarah dan Bahagian Hal Ehwal Islam Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menganjurkan Program Bual Bicara bersama Sahibul Samah Mufti Kerajaan Negeri Sabah, Ustaz Aziz@Bungsu Jaafar, baru-baru ini.

Program yang berlangsung di Podium B, Bangunan Menara UMSKAL itu dihadiri kira-kira 70 orang yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi universiti itu.

Turut hadir Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Wakil Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Soffri Yussof dan Pegawai Hal Ehwal Islam, UMS Kampus Antarabangsa Labuan, Ustaz Junaidi Kepli.

Hadir sama Pengetua Kolej Alpha, Mohamad Sarwar E Alam, Pengetua Kolej Beta dan Mutiara, Nona Masnie, kakitangan, Felo, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa

(Jakmas). NST 13.6.2014 5

Menurut Dr Ismail, objektif program itu ialah untuk memberi motivasi kepada pelajar sebelum menghadapi peperiksaan akhir semester.

Beliau yakin program itu banyak memberi manfaat kepada mahasiswa dan warga universiti amnya.

Sementara itu, Ustaz Bungsu mengingatkan para mahasiswi akan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam.

Beliau juga mengingatkan mereka pentingnya menseimbangkan urusan dunia dan akhirat atau Wasatiyyah.

"Mahasiswa perlu mendahulukan perkara yang menjadi keutamaan iaitu menuntut ilmu kerana menuntut ilmu adalah tuntutan dalam jihad sebagai seorang muslim," katanya.

Ustaz Bungsu turut mengajak para hadirin untuk muhasabah diri dan mempertingkatkan amal ibadah dalam kehidupan seharian.

Pada program itu juga, mahasiswa berpeluang bertanyakan isu-isu semasa seperti isu coklat Cadbury dan lain-lain.



PENGHARGAAN ... Dr Ismail (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Ustaz Bungsu selepas menghadiri program Bual Bicara di UMS Labuan.